

12/11/1999

Parti serpihan jejas pengaruh Pas: Ku Li

Veena Rusli

KOTA BHARU, Khamis - Kewujudan beberapa parti serpihan di Kelantan tidak membebankan Umno sebaliknya berkemampuan menjejaskan pengaruh Pas di sesetengah kawasan pada pilihan raya kali ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata walaupun parti serpihan tidak dilihat sebagai faktor penentu terhadap kemenangan mana-mana parti, kehadiran mereka tetap boleh menimbulkan masalah.

"Umno tidak terjejas, tapi mereka lebih cenderung mendatangkan masalah kepada Pas, terutama di beberapa kawasan yang parti serpihan ini agak kuat ... cuma kita tak boleh kata ia akan jejaskan pengaruh Pas seluruhnya.

"Soal sama ada parti serpihan ini akan menjadi faktor penentu, ia terpulang pada keadaan dan kawasan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat khas Badan Perhubungan Umno Kelantan di Bangunan Umno di sini, hari ini.

Baru-baru, empat parti serpihan Pas iaitu Pas Baru, Angkatan Keadilan Insan Malaysia (Akim), Kumpulan al-Islah dan Berjasa membentuk pakatan Angkatan Insaf Rakyat (Air bagi membolehkan mereka bekerjasama dalam pilihan raya umum kali ini.

Matlamat parti terbabit bekerjasama dalam Air untuk menumbangkan kerajaan Pas Kelantan.

Mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang berkata beliau akan membantu kempen di Kedah kerana menyifatkan kubu Pas di negeri ini sebagai `selamat', Tengku Razaleigh menyifatkannya sebagai kenyataan berbaur keangkuhan.

"Dia memang tak ada masalah di Kelantan kerana dia tak pernah buat apa-apa di sini dan keduanya, saya rasa dia mulai angkuh dan yakin Pas selamat di Kelantan.

"Kalau dia rasa begitu, tidak mengapalah. Bagi kita (Umno) jaga Kelantan," katanya.

Semalam, ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Lujnah Politik Pas di kediaman rasminya di JKR 10, di sini, Nik Abdul Aziz berkata beliau akan mengadakan ceramah di luar Kelantan kerana mengangap Pas di negeri ini selesa.

Ditanya mengenai keyakinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa BN akan dapat menawan semula Kelantan daripada Pas dalam pilihan raya akan datang, Nik Abdul Aziz berkata:

"Dia yakin, dia punya pasal... syaratnya dia (PM) `gentleman'. Jangan main kacau sebagaimana yang dia sebut bahawa pilihan raya kali ini kotor. Jangan buat benda itu, dia kena buat cara sopan.

"Soal kalah menang, itu masalah lain. Jangan main khianat. Demokrasi jangan diguna untuk membunuh demokrasi," katanya.

(END)